

KENYATAAN TENDER

UDA Holdings Berhad (UDA) merupakan salah satu pemaju, penyedia perkhidmatan hospitaliti juga pengurus aset & fasiliti yang berdaya saing dan mampan. UDA utuh dalam membentuk dan memodenkan Kuala Lumpur, Selangor, Pulau Pinang dan Johor Bahru sejak tahun 1971. Seiring perkembangan kami dalam perniagaan, kami berhasrat menjemput syarikat berdaftar yang mempunyai kepakaran, pengalaman dan sumber kewangan untuk menyertai tawaran tender.

Tender adalah dipelawa daripada kontraktor yang berkelayakan serta mempunyai pengalaman, keupayaan kewangan dan peralatan yang mencukupi bagi melaksanakan projek di bawah.

JENIS KERJA	HARGA DOKUMEN (RM)	CIDB GRED KATEGORI	WANG KESUNGGUHAN (RM)	TARIKH TUTUP TENDER
Cadangan Skim Pembangunan Bercampur Yang Terdiri Daripada Fasa 2: - 1 Blok Pangsapuri Kos Sederhana 40 Tingkat (422 Unit) Termasuk Tempat Letak Kereta Bertingkat, 2 Unit Pencawang TNB, 1 Unit Pondok Pengawal, 1 Unit Dewan Serbaguna, 1 Unit Pejabat Pengurusan, 1 Unit Tadika, 1 Unit Bilik Pengurusan Jenazah & Kawasan Lapang Di Atas Lot 252 & 3117 Mukim 4, Daerah Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang Untuk Tetuan Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang	800.00	CIDB G7 Kategori Pengkhususan B04, B05 & CE01	10,000.00	19/7/2022

Hanya kontraktor yang memenuhi kriteria-kriteria berikut akan diberi pertimbangan :-

Mempunyai pengalaman dalam menyiapkan kerja bangunan tinggi dengan jumlah sekurang-kurangnya RM15 juta dalam satu (1) kontrak di dalam tempoh 5 tahun yang terkini. Petender yang berpengalaman dalam kerja berkaitan adalah lebih diutamakan.

Petender yang berminat boleh mendapatkan dokumen tender pada waktu pejabat daripada :-

UDA LAND (NORTH) SDN. BHD.

(Company no. 22339-T)

No. 1961, Jalan Bertam, 13200 Kepala Batas, Pulau Pinang

No. Tel. : 04 - 575 5566

No. Faks : 04 - 575 4166

E-Mel : projek_ulin@udanet.com

Mulai : 28/6/2022 hingga 13/7/2022

Dengan bayaran yang dinyatakan di atas sebagai bayaran dokumen tender dalam bentuk **Draf Bank / Cek Jurubank atau Kiriman Wang atau Perintah Pos Berpalang** di atas nama **UDA LAND (NORTH) SDN BHD**. Bayaran dokumen tidak akan dikembalikan kepada petender.

MUSTAHAK

Petender dinasihatkan membaca dengan teliti arahan kepada petender di dalam Naskah Meja Tawaran. Kegagalan mematuhi sebarang arahan dan/atau perkara yang dinyatakan akan menyebabkan tender petender ditolak. Petender dikehendaki mengemukakan **dokumen asal dan salinan pendaftaran dengan CIDB, Sijil Taraf Bumiputera dan surat wakil yang masih sah tempohnya** sebelum dibenarkan membeli dokumen tender.

Petender hendaklah mengemukakan tender mereka berserta **wang kesungguhan berjumlah sebagaimana yang dinyatakan di atas dalam bentuk Draf Bank / Cek Jurubank di atas nama UDA LAND (NORTH) SDN BHD. dan dimasukkan ke dalam sampul disediakan.**

Dokumen yang telah disempurnakan hendaklah dikembalikan dalam sampul yang disertakan. Sampul hendaklah dimeterai atau diikat bersama dan dimeterai sepertimana yang dinyatakan di dalam arahan kepada petender (Instruction to Tenderer) sebelum atau pada **jam 12.00 tengah hari, pada 19/7/2022.**

Tender hendaklah dimasukkan ke dalam peti tender yang dihkaskan beralamat seperti di bawah:

PETI TENDER,

UDA Holdings Berhad

Tkt 9, Blok Menara, Pertama Kompleks

Jalan Tuanku Abd Rahman

50100 Kuala Lumpur

UDA Land (North) Sdn Bhd tidak terikat untuk menerima tender terendah atau mana-mana tender dan keputusan adalah muktamad.

KENYATAAN INI JUGA BOLEH DILIHAT DI LAMAN WEB UDA HOLDINGS BERHAD DI ALAMAT: <http://www.uda.com.my/index.php/home/tender>



UDA LAND (NORTH) SDN. BHD. (22339-T)
No. 1961, Jalan Bertam, 13200 Kepala Batas,
Pulau Pinang

EMBRACE *Life*

UDA
PROPERTY